

05 APR 2001

Malaysia-UAE

MALAYSIA DAN UAE TANDATANGANI DUA MOU DI ABU DHABI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Abu Dhabi Isnin lalu.

MoU yang pertama ditandatangani antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Ajman University of Science and Technology dan MoU kedua antara Ajman University dan tiga syarikat perdana MSC iaitu GMPC Corporation, Telekom Smart School dan Medical Online.

MoU itu ditandatangani pada satu persidangan antarabangsa mengenai E-dagang di sana, menurut Duta Besar Malaysia ke UAE Datuk Syed Hussien Al Habshee.

Satu rombongan yang terdiri daripada 16 syarikat yang berkaitan IT diketuai pengerusi eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah mengambil bahagian pada persidangan itu yang berakhir Rabu, katanya dalam satu kenyataan kepada Bernama hari ini.

Pada persidangan itu, Othman membacakan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mana Dr Mahathir menyifatkan penganjuran persidangan itu sebagai bertepatan dalam menangani masalah kurangnya harmoni dalam peraturan dan rangka kerja undang-undang global yang secara langsung boleh menghalang pertumbuhan e-dagang.

Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa persidangan itu akan meraih manfaat daripada pengalaman MDC dalam menggubal undang-undang siber.

Pengunjung ke persidangan itu termasuk pegawai kanan kerajaan UAE, pemimpin industri ICT, tokoh akademik dan satu rombongan dari Pejabat Perangkaan Pusat Bahrain diketuai Presidennya Mohammed Al Khalifa.

Para pelawat, termasuk rombongan dari Bahrain, sangat kagum dan berminat dengan kebanyakan penyelesaian ICT yang dipamerkan oleh syarikat perdana MSC dan yang berstatus MSC dari Malaysia, kata Syed Hussien.

Beliau berkata pegawai-pegawai kanan MDC juga dijemput untuk membentangkan kertas kerja berkaitan IT pada persidangan itu.

-- BERNAMA

ZAI ES AKD